

## **BAB 5 PENUTUP**

### **5.1 Pengenalan**

Berdasarkan analisis kepada data-data yang dikumpul, hasil kajian memperlihatkan terdapatnya kepelbagaian jenis strategi tanya-jawab yang digunakan oleh pensyarah atau pelajar-pelajar dalam interaksi bilik darjah. Secara keseluruhannya, kebanyakan strategi tanya-jawab dalam bilik darjah berupa 'tak langsung'. Ini bermakna kebanyakan pertanyaan tidak sekadar pertanyaan, tetapi boleh bermaksud permintaan, ajakan, pengesahan, pernyataan, nasihat dan sebagainya. Respons terhadap pertanyaan atau permintaan, ajakan, pengesahan, pernyataan, nasihat tersebut pula boleh berupa jawapan ataupun bererti persetujuan, penolakan dan sebagainya.

Dapatan kajian ini adalah sejajar dengan kajian-kajian sarjana tempatan seperti Ahmad Mahmood (2000) dan Wan Rubiah & Hamidah (2006). Menurut Ahmad Mahmood (2000:1319), "jika suatu ayat dapat mendukung pelbagai makna, sama ada pertanyaan, permintaan atau ajakan, unit yang mengikutinya (respons) juga dapat mendukung pelbagai makna, sama ada sebagai jawapan, persetujuan, penolakan, atau sebagainya." Demikian juga, dapatan kajian ini bersesuaian dengan pernyataan Wan Rubiah & Hamidah (2006:158) yang menegaskan bahawa konsep pertanyaan dan jawapan sebenarnya mempunyai lakuan bahasa yang lebih luas dalam analisis pragmatik. Merujuk kepada dapatan-dapatan yang dihuraikan dalam bab 4, maka adalah jelas bahawa objektif kajian ini tercapai di samping menjawab juga kedua-dua persoalan penyelidikan yang dikemukakan dalam bab 1.

## **5.2 Implikasi Kajian**

Kajian ini memberikan implikasi yang signifikan terhadap bidang bahasa dan komunikasi secara umum dan secara khususnya dalam aspek pedagogi. Tanya-jawab merupakan salah satu cara komunikasi verbal manusia yang paling lazim digunakan dalam dunia sejagat. Pada hakikatnya, tiada siapa-siapa yang boleh mengelak diri dari tanya-jawab dalam komunikasi seharian, termasuklah anak-anak kecil yang baru belajar bertutur. Dari rumah yang paling bersahaja sehingga ke situasi pergaulan masyarakat yang berformaliti tinggi, tanya-jawab dipraktikkan secara meluas dalam konteks yang berbeza-beza. Dengan demikian, setiap individu sebagai pengguna dalam mana-mana bentuk bahasa pun seharusnya berketerampilan dalam strategi tanya-jawab demi melancarkan perbualan dan mengaktifkan interaksi di antara satu sama lain.

Secara dasar, fungsi asas tanya-jawab dalam sesuatu wacana verbal adalah menghapuskan keraguan atau memperoleh pelbagai maklumat yang tidak jelas. Strategi tanya-jawab jika dilaksanakan secara efektif dapat mengawal malah mendominasi suatu perbualan dalam situasi komunikasi dua hala atau pelbagai hala untuk beralih ke arah yang diharapkan oleh penutur atau pendengar tertentu.

Bukan sekadar pengetahuan konsep sahaja, kemahiran tentang strategi tanya-jawab dalam bilik darjah secara tak langsung dapat melatih dan melazimkan individu supaya berfikir secara kreatif dan kritis. Ini adalah kerana realiti pertanyaan secara lisan memperlihatkan pelbagai unsur yang mencabar, iaitu tanpa lingkungan yang konkrit atau tetap, meliputi konteks yang meluas, berciri spontan dan sebagainya. Malahan adakalanya pertanyaan dikemukakan oleh beberapa pihak secara serentak.

Sehubungan itu, kemahiran dalam strategi pertanyaan secara tak langsung membolehkan pensyarah menyingkap keperluan khusus pelajar-pelajar dengan lebih tepat. Disebabkan pertanyaan mendesakkan pihak yang menjawab memberi respons secara spontan, maka dengan merujuk kepada corak dan kandungan jawapan pelajar, pensyarah dapat mengesan, mengenalpasti permasalahan atau persoalan sebenarnya yang dihadapi oleh pelajar berkenaan.

Hasil daripada itu, pensyarah dapat memberi bimbingan atau nasihat yang besesuaian dengan keperluan pelajar-pelajar. Seterusnya pelajar-pelajar pula berkesempatan memperoleh inspirasi atau maklumat dan berkeyakinan untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka dengan sendiri. Dari pernyataan di atas, ternyatalah mempraktikkan strategi tanya-jawab dapat membuka minda seseorang individu menjadi lapang dan lebih matang seterusnya mempertingkatkan lagi aras kognitifnya.

Namun begitu, perlu ditegaskan bahawa kejayaan suatu tanya-jawab dalam bilik darjah meskipun berkaitan rapat dengan jenis-jenis strategi yang digunakan, ia juga sangat bergantung kepada faktor-faktor bukan linguistik, misalnya perspektif penutur, perspektif pendengar, pengetahuan latar belakang yang sedia ada, konteks-situasi dan sebagainya. Dalam hal ini, sikap dan perilaku kedua-dua pihak sama ada pensyarah atau pelajar yang ditunjukkan dalam tanya-jawab berkenaan memainkan peranan yang sama-sama penting.

### 5.3 Kesimpulan

Berdasarkan kerangka teori LB yang diusulkan oleh Searle (1969), kajian ini membuktikan bahawa niat ataupun maksud penutur berserta kehendak pendengar dalam tanya-jawab harus diambil kira dalam konteks penggunaan yang sebenar.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tujuh jenis strategi bertanya yang utama oleh pensyarah dan empat jenis strategi bertanya yang utama oleh pelajar. Manakala bagi kategori strategi menjawab pula, diperlihatkan bahawa terdapat sebanyak tiga jenis strategi yang utama oleh pensyarah dan lima jenis strategi yang utama oleh pelajar.

Sebagai kesimpulan, kearifan tentang variasi-variasi LB pertanyaan memanfaatkan semua pengguna bahasa dari pelbagai sudut yang berbeza. Pihak yang ingin mengemukakan soalan harus bertanya dengan cara yang betul dan sesuai. Maka penanya harus paparkan keikhlasannya dengan merancang dan menyusun struktur bahasanya secara teliti mengikut keperluan konteks agar pertanyaannya dapat dilayani dengan baik oleh pendengar. Strategi sedemikian dapat mengelakkan niat ucapan penutur daripada disalahertikan oleh pihak lain di samping mempertingkatkan lagi kesan pertanyaan terhadap pendengar berkenaan. Hal ini sememangnya dapat membantu menjimatkan masa kedua-dua pihak penutur dan pendengar seterusnya melancarkan lagi komunikasi berkenaan dalam suasana yang mesra.

Demikian juga, dengan memahami kenyataan bahawa suatu jawapan dapat mendukung pelbagai maksud yang berbeza-beza, seseorang pengguna bahasa tidak akan terkial-kial menjawab soalan yang dikemukakan. Beliau akan menjadi lebih yakin dan pintar dalam 'menghadam' (*digesting*) suatu pertanyaan kerana beliau berupaya mencerakinkan

pertanyaan berkenaan. Maka terpulang kepada pihak pendengar sendiri untuk menentukan sejauh mana hasratnya untuk menyesuaikan diri dengan kehendak penutur, iaitu sama ada pendengar ingin bekerjasama atau tidak dengan pihak yang bertanya untuk memberi jawapan yang dikehendaki.

Tiada mana-mana strategi yang dikatakan terbaik dan boleh digunakan untuk kesemua konteks situasi yang berbeza-beza. Seperti peribahasa yang sering didengari, “yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan”, kita seharusnya mempraktikkan strategi tanya-jawab yang boleh memanfaatkan diri sendiri dan pihak lain tetapi mengelakkan daripada melakukan strategi yang akan mendatangkan keburukan.

#### **5.4 Cadangan untuk kajian lanjutan**

Memandangkan trend kaedah pengajaran dan pembelajaran kini cenderung kepada corak komunikatif atau interaktif, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah seharusnya lebih berpusat kepada para pelajar. Oleh demikian, berdasarkan penemuan kajian ini, disarankan bahawa kajian lanjut boleh meninjau dari sudut pragmatik tentang pola-pola maklum balas pensyarah ataupun pelajar dalam konteks tanya-jawab di bilik darjah. Ini adalah kerana dalam situasi bilik darjah yang sebenar, tanya-jawab sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran sentiasa sarat dengan maklum balas. Cadangan ini adalah sejajar dengan pendapat Abdullah dan Ainon (1999), iaitu maklum balas tidak disorot dari segi niatnya, tetapi dari segi penilaian yang terkandung di dalamnya.